



| Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

VoA
2023
Volume 19 Issue II

ADVISORY BOARD MEMBER

PROFESSOR DR. ROSHIMA HAJI. SAID
ASSOCIATE PROFESSOR TS. DR. AZHARI MD HASHIM

CHIEF EDITOR

DR. JUNAIDA ISMAIL

MANAGING EDITOR

MOHD NAZIR RABUN

EDITORIAL TEAM

AISHAH MUSA
ETTY HARNIZA HARUN
INTAN SYAHRIZA AZIZAN
SYAHRINI SHAWALLUDIN

EDITORIAL TECHNICAL TEAM (MYJURNAL ADMINISTRATOR)

KHAIRUL WANIS AHMAD
NOOR AZLIN ABDULLAH
MAZURIAH AHMAD

EDITORIAL BOARD

PROFESSOR DR. DIANA KOPEVA

UNIVERSITY OF NATIONAL AND WORLD ECONOMY, SOFIA, BULGARIA

PROFESSOR DR. KIYMET TUNCA CALIYURT

FACULTY OF ACCOUNTANCY, TRAKYA UNIVERSITY, EDIRNE, TURKEY

PROFESSOR DR. M. NAUMAN FAROOQI

FACULTY OF BUSINESS & SOCIAL SCIENCES,
MOUNT ALLISON UNIVERSITY, NEW BRUNSWICK, CANADA

PROFESSOR DR. SIVAMURUGAN PANDIAN

SCHOOL OF SOCIAL SCIENCE, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG

DR. IRA PATRIANI

FACULTY OF SOCIAL SCIENCE & POLITIC,
UNIVERSITAS TANJUNGPURA UNTAN, INDONESIA

DR. RIZAL ZAMANI IDRIS

FACULTY OF SOCIAL SCIENCE & HUMANITIES,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH UMS, SABAH

DR. SIMON JACKSON
FACULTY OF HEALTH, ARTS AND DESIGN,
SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY MELBOURNE, AUST

ASSOCIATE PROFESSOR DR. WAN ADIBAH WAN ISMAIL
FACULTY OF ACCOUNTANCY,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

ASSOCIATE PROFESSOR DR. AZLYN AHMAD ZAWAWI
FACULTY OF ADMINISTRATIVE SCIENCES & POLICY STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

DR. AZYYATI ANUAR
FACULTY OF BUSINESS MANAGEMENT,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

DR. MUHAMAD KHAIRUL ANUAR ZULKEPLI
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

DR. NEESA AMEERA MOHAMMED SALIM
COLLEGE OF CREATIVE ARTS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM, MALAYSIA

DR ROSIDAH AHMAD
FACULTY COMPUTER SCIENCE AND MATHEMATICS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

CONTENT REVIEWER

PROF MADYA TS DR ASMADI MOHAMMED GHAZALI,
UiTM KEDAH BRANCH

PROF MADYA TS DR AZHARI BIN MD HASHIM,
UiTM KEDAH BRANCH

PROF. MADYA DR WAN ADIBAH BINTI WAN ISMAIL,
UiTM KEDAH BRANCH

DR AZYYATI BINTI ANUAR,
UiTM KEDAH BRANCH

DR AZFAHANEE BINTI ZAKARIA,
UiTM KEDAH BRANCH

JUWAIIRIAH OSMAN,
UNIVERSITI MALAYA

DR LAW KUAN KHENG,
UiTM KEDAH BRANCH

DR MAHADZIR BIN ISMAIL,
UiTM KEDAH BRANCH

DR MOHD NOR SYAHRIR ABDULLAH,
UNIVERSITI MALAYA

DR MOHD ZOOL HILMIE BIN MOHAMED SAWAL,
UiTM KEDAH BRANCH

DR MUHAMAD KHAIRUL ANUAR BIN ZULKEPLI,
UiTM KEDAH BRANCH

DR NAZNI BIN NOORDIN,
UiTM KEDAH BRANCH

DR NOR ARDYANTI BINTI AHMAD,
UiTM KEDAH BRANCH

DR NOR AZRINA BINTI MOHD YUSOF @ GHANI,
UiTM KEDAH BRANCH

DR NUR AIDA BINTI KIPLI,
UiTM SARAWAK BRANCH

DR NUR SYAZWANIE BINTI MANSOR,
UiTM KEDAH BRANCH

DR REEZLIN ABD RAHMAN,
PENGARAH KOLEJ KOMUNITI BALING KEDAH

DR SITI NORFAZLINA BINTI YUSOFF,
UiTM KEDAH BRANCH

DR SHATINA SAAD,
UITM SHAH ALAM

LANGUAGE REVIEWER

AISHAH BT MUSA,
APB UiTM KEDAH BRANCH

AZLAN BIN ABDUL RAHMAN,
APB UiTM KEDAH BRANCH

AZRUL SHAHIMY BIN MOHD YUSOF,
APB UiTM KEDAH BRANCH

BAWANI A/P SELVARAJ,
APB UiTM KEDAH BRANCH

DR NUR SYAZWANIE BINTI MANSOR,
APB UiTM KEDAH BRANCH

DR WAN IRHAM BIN ISHAK,
APB UiTM KEDAH BRANCH

HAWA SYAMSINA MD SUPIE,
UiTM SHAH ALAM

HO CHUI CHUI,
APB UiTM KEDAH BRANCH

JUWAIIRIAH OSMAN,
UNIVERSITI MALAYA

MAS AIDA BINTI ABD RAHIM,
APB UiTM KEDAH BRANCH

MUHAMMAD ZAKI RAMLI,
PROOFREADERS UNITED

NOR ASLAH BINTI ADZMI,
APB UiTM KEDAH BRANCH

NORLIZAWATI BINTI MD TAHIR,
APB UiTM KEDAH BRANCH

NURAZILA BT ABDUL AZIZ,
APB UiTM KEDAH BRANCH

NURUL SYAFIQAH BINTI SAM,
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN PULAU PINANG
PROFESSIONAL EDITOR: TAKIERA ENTERPRISE
PROFESSIONAL EDITOR: PUSTAKA MADANI

SHAFINAH BINTI MD SALLEH,
APB UiTM KEDAH BRANCH

SAMSIAH BINTI BIDIN,
APB UiTM KEDAH BRANCH

e-ISSN: 2682-7840



Copyright © 2023 by the Universiti Teknologi MARA Press

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

TABLE of CONTENTS

INVESTIGATING THE IMPACT OF MACROECONOMIC VARIABLES ON KLCI MALAYSIA'S STOCK MARKET RETURN: THREE DECADES OF OBSERVATION Aqilah Syafiqah Abd Aziz ¹ , Farah Farisha Akhdar Ahmad ² , Melissa Nur Hazirah Masrom ³ , Ahmad Syahmi Ahmad Fadzil ⁴ & Nur Fatihah Shaari ⁵	1 - 14
THE NORMALISATION OF TROLLING ON SOCIAL MEDIA Che Nooryohana Zulkifli ¹ , Nur Afiqah Ab. Latif ^{2*} , Ruzai Syarilili Aiyu Abdul Rashid ³ & Mohamad Putera Idris ⁴	15 - 26
EXPLORING OLDER PEOPLE'S EXPERIENCES OF AGEING IN PLACE: A SCOPING REVIEW Noorlailahusna Mohd Yusof ^{1*} & Suziana Mat Yasin ²	27 - 38
POVERTY ASSESSMENT INITIATIVES IN SELECTED ASEAN COUNTRIES Roshima Said ^{1*} , Noor Zahirah Mohd Sidek ² , Azlyn Zawawi ³ & Mahadir Ladisma @Awis ⁴	39 - 53
INVESTIGATING THE MACROECONOMIC DETERMINANTS OF HOUSING PRICE INDEX (HPI) IN MALAYSIA Luqmanul Hakim Johari ^{1*} , Muhammad Naqib Zainuddin ² , Muhammad Nur Affandi Ja'afar ³ , Muhammad Nurizz Hakim Razali ⁴ , Nurul Amira Bazli ⁵ & Ahmad Syahmi Ahmad Fadzil ⁶	54 - 71
PRE-SERVICE SCIENCE TEACHER'S MISCONCEPTIONS OF THE CHEMICAL BONDS Nur Farha Shaafi ^{1*} , Nurul Nabilla Mohammad Khalipah ² & Nabilah Abdulla ³	72 - 98
REALISING SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS VIA ORGANISATIONAL MENTAL HEALTH WORK PLAN: RESOURCE-BASED VIEW PERSPECTIVE Corina Joseph ¹ , Nur Izyan Ismail ^{2*} & Siti Aimi Yasin ³	99 - 113
NEW TRENDS OF CLOUD KITCHEN TECHNOLOGY AND CONSUMERS' PURCHASE DECISIONS: A CONCEPTUAL STUDY Nurul Syahirah Idris ¹ , Muhammad Afiq Zulkifly ² , Muhammad Safuan Abdul Latip ^{3*}	114 - 126
SOCIAL MEDIA INFLUENCER IN MALAYSIA: A REVIEW OF LITERATURE AND FUTURE DIRECTION Mohamad Hafiz Rosli ^{1*} , Nor Azah Jahari ² , Muzairihana Md Moid ³ , NorHazwani Hassan ⁴ , Farahwahida Mohd@Abu Bakar ⁵	127 - 138
FREE TOOLS FOR PARAPHRASING: TO USE OR NOT TO USE Ho Chui Chui	139 - 156
TRAINING, REWARDS, AND APPRAISAL SYSTEM: PREDECESSORS AND INFLUENCES ON JOB PERFORMANCE Nur Ayunis Syairah Mohamad Zaidi ¹ & Nurul Hidayana Mohd Noor ^{2*}	157 - 169
IDENTIFYING CHARACTERISTICS SHAPING MALAYSIAN UNDERGRADUATES' ORGANIZATIONAL CITIZENSHIP BEHAVIORS Shaiful Annuar Khalid ^{1*} , Norshimah Abdul Rahman ²	170 - 187
REAKSI PEMIMPIN DAN MASYARAKAT TERHADAP BANTUAN PRIHATIN NASIONAL Intan Syahriza Azizan ^{1*} & Junaida Ismail ²	188 - 194
LAPISAN MAKSUD DALAM KENYATAAN MEDIA ISTANA NEGARA 24 NOVEMBER 2022: SATU ANALISIS TEKSTUAL Nazima Versay Kudus ^{1*} & Wan Noorli Razali ²	195 - 202

PEMBANGUNAN SISTEM STUDENTS' COMPREHENSIVE ONLINE EXERCISES (SCORE) SEBAGAI LATIHAN TAMBAHAN BAGI KURSUS MATH2 Shahida Farhan Zakaria ¹ , Afida Ahmad ² , Liana Najib ³ , Nor Athirah Mohd Zin ⁴ , Siti Nur Alwani Salleh ⁵ , Suhardi Hamid ⁶ & Ahmad Afif Ahmarofi ⁷	203 - 215
ONLINE TEACHING-LEARNING IN HIGHER EDUCATION DURING THE LOCKDOWN PERIOD OF THE COVID-19 PANDEMIC Roshidah Safeei ¹ , Hawa Syamsina Md Supie ²	216 - 229
INTELLECTUAL CAPITAL EFFICIENCY: A COMPARATIVE STUDY BETWEEN MALAYSIAN AND SINGAPOREAN MANUFACTURERS Naqiah Awang ¹ , Nur Syafiqah Hussin ² , Fatin Adilah Razali ³ & Shafinaz Lyana Abu Talib ⁴	230 - 241
DIGITAL LITERACY AMONG STUDENTS: A CASE STUDY AT CENTRE OF FOUNDATION STUDY IN MANAGEMENT Zahayu Md Yusof ¹ , Lim Qing Jun ² , Goh Hong Quan ³ , Anis Hanisah Sobri ⁴ & Nur Athirah Mahmud ⁵	242 - 254
A STUDY ON MOTIFS OF SASAK TRADITIONAL WEDDING UNDERGARMENT DODOT AND BENDANG IN THE CONTEXT OF SOCIO-CULTURE Lalu Rizkylan Hakiky ¹ & Arba'iyah Ab. Aziz ²	255 - 270
A TEACHING STRATEGY FOR DYSLEXIC CHILDREN: UTILISING A MULTI-SENSORY APPROACH Norarifah Ali ¹ , Azhari Md Hashim ² , Mohamad Hariri Abdullah ³ , Muhammad Nidzam Yaakob ⁴ & Roslinda Alias ⁵	271 - 283

REAKSI PEMIMPIN DAN MASYARAKAT TERHADAP BANTUAN PRIHATIN NASIONAL

Intan Syahriza Azizan^{1*} & Junaida Ismail²

^{1,2} Faculty of Administrative Science & Policy Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani

ARTICLE INFO

Article history:

Received Feb 2022
Accepted May 2023
Published June 2023

Keywords:

Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) & Reaksi Pemimpin dan Masyarakat

Corresponding Author:
intan219@uitm.edu.my

ABSTRACT

Bantuan Prihatin Nasional (BPN) is a financial aid channeled by the government to help Malaysians who are affected by the COVID-19 pandemic that is sweeping the world. This is one of the assistances provided by the government in 'Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat' which is given on a one-off basis to the B40 and M40 groups. Controls have been made in curbing this epidemic to be spread by implementing the Movement Control Order (MCO) to contain and control the rate of infection from continuing to increase. Therefore, people are encouraged to stay at home and reduce interactions with outsiders. This causes many companies to be unable to operate as usual and suffer losses. Some even had to be temporarily closed or continue to cause many to lose their jobs and sources of income. This situation at once caused the collapse of the economic system as a whole. Concerned about this situation, YAB Prime Minister has announced that RM5.63 billion in the first phase will be allocated to 8.3 million households and single individuals. Looking at many who are deeply affected by the threat that has hit the world in early 2020 which has caused the world economy to be severely affected and the socio-economic situation to be compromised, the government takes the approach of channeling aid in various forms. This will be able to determine the satisfaction of the people and the progress of the country to be continued as usual. Therefore, this assistance should be well received by all levels of society. In line with the aspirations of our Prime Minister, this paper aims to review and identify the reaction of Malaysian leaders and the public towards BPN in ensuring the economic survival of the people and the country in order to assist the government in improving or increasing efforts to improve the economic standards of the people and the

country that have been affected by this COVID-19 pandemic.

Keywords: COVID-19, Bantuan Prihatin Nasional, reactions of leaders and public

Bantuan Prihatin Nasional (BPN) adalah bantuan kewangan yang disalurkan oleh kerajaan dalam membantu rakyat Malaysia yang terkesan dengan keadaan pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Ini adalah salah satu bantuan yang disediakan oleh kerajaan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang diberikan secara one-off kepada golongan B40 dan M40. Kawalan telah dibuat dalam mengekang wabak ini daripada terus menular. Hal ini menyebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dalam membendung dan mengawal kadar jangkitan daripada terus meningkat. Oleh itu, rakyat digalakkan untuk duduk di rumah dan mengurangkan interaksi dengan orang luar. Perkara ini menyebabkan banyak syarikat tidak berupaya untuk beroperasi seperti biasa dan mengalami kerugian. Malah ada yang terpaksa ditutup sementara atau terus menyebabkan ramai kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan. Situasi ini sekali gus menyebabkan keruntuhan sistem ekonomi secara keseluruhan. Prihatin terhadap keadaan ini, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan RM5.63 bilion fasa pertama diperuntukkan kepada 8.3 juta penerima isi rumah dan individu bujang. Melihat kepada ramai yang amat terkesan dengan ancaman yang telah melanda dunia pada awal tahun 2020 yang menyebabkan ekonomi dunia terjejas teruk dan keadaan sosio-ekonomi tergugat, kerajaan mengambil pendekatan menyalurkan bantuan dalam pelbagai bentuk. Ini bererti keprihatinan kerajaan dalam menangani pandemik ini akan dapat menentukan kepuasan hati rakyat dan kemajuan negara kita dapat diteruskan seperti biasa. Oleh itu, bantuan ini haruslah diterima baik oleh semua lapisan masyarakat. Seajar dengan aspirasi Perdana Menteri kita, kertas kerja ini bertujuan untuk meninjau dan mengenal pasti reaksi pemimpin dan masyarakat Malaysia terhadap BPN dalam memastikan kelangsungan ekonomi rakyat dan negara agar dapat membantu pihak kerajaan dalam menambahbaik atau meningkatkan usaha memperbaiki taraf ekonomi rakyat dan negara yang telah terkesan akibat pandemik COVID-19 ini.

Kata kunci: COVID-19, Bantuan Prihatin Nasional, reaksi pemimpin dan masyarakat

1. Pengenalan

COVID-19 adalah wabak penyakit yang kian menular di Malaysia menyebabkan jangkitan saluran pernafasan dan dikenali sebagai Novel Coronavirus 2019. Virus ini telah mula dikesan di Wuhan, Hubei, negara China pada 7 Januari 2020, manakala kes pertama dikesan di Malaysia adalah pada 25 Januari 2020. Oleh itu, kerajaan telah mengambil tindakan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan dalam membendung wabak COVID-19 di Malaysia. Pelaksanaan PKP telah berkuatkuasa 16 Mac 2020 di seluruh negara dan pengisytiharan secara rasmi di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan dan Akta Polis 1967 (Ashley, 2020). Melalui pelaksanaan PKP ini, kerajaan pusat telah menetapkan bahawa semua perniagaan dikendalikan dari pukul 8 pagi sehingga 8 malam, amaran ke atas rakyat Malaysia agar tinggal di rumah, larangan perhimpunan serta tiada perjalanan dibenarkan kecuali bagi tujuan perubatan.

Kesan daripada PKP menyebabkan penguncupan sektor ekonomi serta merencatkan pertumbuhan ekonomi dengan begitu drastik, iaitu industri makanan dan minuman, industri pembinaan dan pembuatan, industri pelancongan, industri pertanian, pembinaan dan perkhidmatan terkesan secara langsung mengakibatkan ramai kehilangan pekerjaan. Bank Negara menjangkakan kadar pengangguran meningkat 4% akibat kesan COVID-19 (Astro Awani, 14 Mei 2020). Cabaran sangat dirasai oleh golongan yang berpendapatan rendah kerana terkesan dengan mengalami kesempitan kewangan yang ketara dan berterusan. Beban tanggungan juga semakin bertambah kerana pengangguran yang tinggi. Ini pastinya bukan sahaja memberi kesan kepada sosio ekonomi malah mengganggu kesejahteraan hidup seperti kesihatan fizikal dan mental juga terkesan secara tidak langsung.

Sehubungan itu, kerajaan mengumumkan pakej rangsangan bagi menangani kesan COVID-19. Peruntukan sebanyak RM9.24 bilion dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat 2020 (PRIHATIN) telah diumumkan pada 27 Mac 2020 di mana kira-kira 8.3 juta isi rumah dan individu bujang dapat menikmati bantuan ini; Pembayaran BPN ialah RM1,600 kepada golongan isi rumah berpendapatan RM4,000 ke bawah; RM1,000 kepada isi rumah berpendapatan RM4,001 hingga RM8,000; RM800 kepada individu bujang berpendapatan RM2,000 ke bawah; dan RM500 kepada individu bujang berpendapatan RM2,001 hingga RM4,000 (Utusan Borneo, 6 April 2020). Bantuan ini memberi sedikit sinar harapan kepada masyarakat dalam mendepani cabaran semasa melangsungkan kehidupan. Para pemimpin dan masyarakat juga menyambut dan memberi reaksi yang positif terhadap Bantuan Prihatin Nasional.

2. Objektif

Antara objektif kajian ini adalah untuk:

1. melihat reaksi pemimpin terhadap pemulihan ekonomi
2. melihat reaksi masyarakat terhadap kedudukan kewangan
3. melihat mekanisme pelaksanaan saluran Bantuan Prihatin Nasional.

3. Metodologi dan Skop

Pengumpulan data secara kualitatif merujuk kepada pemerhatian melalui reaksi pemimpin dan masyarakat, rujukan dan kajian ini dijalankan berdasarkan media dan akhbar-akhbar tempatan di Malaysia; Astro Awani, Utusan Malaysia, Berita Harian, Harian Metro dan *The Star*. Tinjauan terhadap reaksi pemimpin dan masyarakat Malaysia dibuat bermula dari bulan April 2020 (sejurus selepas negara dilanda pandemik COVID-19) sehingga bulan November 2020.

4. Reaksi pemimpin terhadap pemulihan ekonomi dan kelangsungan hidup masyarakat

Dengan pemberian bantuan ini, maka kuasa membeli oleh rakyat dapat kembali, malah, ramai juga yang menggunakannya sebagai modal memulakan atau meneruskan perniagaan. Seperti yang dinyatakan oleh Astro Awani (4 Mei 2020), Azizi tekad memulakan perniagaan dalam talian menggunakan platform media sosial, Whatsapp dan Facebook bermodalkan wang BPN. Astro Awani (3 Mei 2020) juga ada mencatatkan bahawa idaman rakyat ketika ini adalah untuk memulakan semula kehidupan bekerjaya atau berusahawan sebagai mata pencarian yang telah hilang ekoran pandemik COVID-19 ini. Ia dapat membuka rezeki kepada orang perseorangan seperti ibu tunggal, nelayan, petani serta pengusaha sektor pelancongan dan perusahaan kecil dan sederhana. Jelas Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Ahmad Amzad Mohamed (Astro Awani, 10 April 2020) bantuan ini sedikit sebanyak dapat melegakan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana seperti keropok lekor, penghasilan songket, batik dan kraftangan yang terjejas di Kuala Terengganu, di samping bantuan pada peringkat Kuala Terengganu sendiri.

Ahli Parlimen Pontian, Datuk Seri Ahmad Maslan menyatakan bahawa peruntukan hampir RM11 bilion kepada 10.425 juta orang adalah satu rekod bantuan terbesar dalam sejarah Malaysia. Malah Ketua Penerangan UMNO dan Naib Ketua Pemuda UMNO juga menyarankan agar pertimbangan diletakkan ke atas pakej ekonomi tambahan sebagai pakej rangsangan tambahan demi melihat kelangsungan kehidupan rakyat menjadi stabil. Ini bagi memastikan ekonomi dapat berlangsung dengan baik. Malah kehidupan masyarakat dapat diteruskan seperti sedia kala. Tanpa bantuan yang diberikan ini menyebabkan masyarakat terhimpit dengan kemelut pandemik yang menyukarkan dan memberi kesan kepada kehidupan.

5. Reaksi masyarakat terhadap kedudukan kewangan

Pengumuman mengenai Bantuan Prihatin Nasional memberikan nafas lega kepada ramai rakyat yang amat memerlukannya dalam menampung kehidupan akibat terkesan dengan pelaksanaan PKP akibat COVID-19. Bantuan diberikan dapat meringankan beban seperti kegunaan membayar sewa rumah, perbelanjaan rumah dan ada yang menggunakannya sebagai modal perniagaan.

Masyarakat di Sabah juga memberi respons yang positif apabila bantuan ini diberikan dan diteruskan dengan BPN 2.0 memandangkan kemelut pandemik COVID-19 masih berterusan dan memberi impak kepada kehidupan sosial dan ekonomi masyarakat. BPN telah memberi manfaat kepada lebih 904 ribu individu di Sabah Astro Awani, September 23, 2020).

Oleh itu, hal ini dilihat telah mengubah sedikit sebanyak corak ekonomi negara apabila ramai berkecimpung dalam perniagaan kecil-kecilan dengan memasarkan secara maya di media sosial demi menampung kehidupan akibat terkesan dengan pandemik yang pastinya memerlukan sokongan daripada semua (Mariah Doksil & Chok Sim Yee, The Borneo Post, 11 November 2020). Kehidupan normal baharu dengan kebergantungan kepada internet terutama kepada peniaga kecil dalam memasarkan produk mereka melalui pasaran maya memberi ruang dan peluang kepada mereka dalam mempelajari dan mencuba perkara baharu dalam perniagaan dan kehidupan. Masyarakat mula mempelajari perkara baharu yang mencorak kepada kehidupan baharu.

6. Mekanisme pelaksanaan saluran Bantuan Prihatin Nasional

Bantuan Prihatin Nasional dan Lanjutan BPN 2.0 merupakan inisiatif terbaik kerajaan terhadap rakyat kerana kerajaan mengambil maklum cabaran yang dihadapi oleh golongan B40 dan M40 dan cuba mencapai semua dalam golongan ini melalui maklumat daripada Bantuan Sara Hidup (BSH) dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta membuka peluang rayuan bagi sesiapa yang tidak pernah menerima apa-apa bantuan BPN atau BSH

dengan melayari pautan <https://bpn.hasil.gov.my> atau dengan menghantar borang secara persendirian ke cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mulai 15 Oktober hingga 15 November 2020 (Maisarah Sheikh Rahim, Utusan Online, 25 September 2020). Keadaan ini amat melegakan banyak pihak yang tidak pernah menerima bantuan untuk berbuat demikian.

Mekanisme pelaksanaan BPN adalah melalui tiga agensi utama iaitu Kementerian Kewangan, bank yang diberi kuasa dan Lembaga Hasil dalam Negeri (LHDN). LHDN menggesa masyarakat untuk memohon bantuan kewangan ini melalui portal BPN di talian Hasil dan perkara ini akan disemak dan disahkan olehnya dan menentukan kelayakan permohonan. LHDN mempunyai pangkalan data pembayar cukai dan penerima BSH. Semakan silang dibuat dengan pangkalan data yang terkini daripada 11 agensi kerajaan iaitu Jabatan Akauntan Negara, Bendahari Negeri seluruh Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kumpulan Wang Persaraan (KWP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, MARA, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (Rafidah & Hazwan, 2020). Semakan dan saringan ini adalah bertujuan mengelak sebarang penipuan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Proses semakan yang ketat dilakukan bagi mengurangkan ketirisan hasil kerajaan bagi mengelakkan orang yang tidak layak daripada menerima BPN. Setelah diluluskan, bantuan kewangan ini akan dikreditkan ke akaun peribadi pemohon yang diiktiraf oleh pangkalan data BPN.

Bagi penerima yang tidak mempunyai akaun bank pula boleh mengeluarkan bantuan kewangan tersebut secara tunai melalui Bank Simpanan Nasional. Semakan ini dilakukan secara teratur dan memastikan penerima mempunyai tahap pendapatan di dalam julat pendapatan yang layak menerima bantuan ini. Proses rayuan juga dibuka bagi menyediakan ruang kepada pemohon untuk tampil membuat permohonan rayuan sekiranya pendapatan mereka berada di dalam kelayakan julat pendapatan yang ditetapkan.

7. Ulasan

Secara keseluruhan, keratan-keratan akhbar yang dikumpul menunjukkan **penerimaan yang positif** daripada kedua-dua golongan; pemimpin dan masyarakat Malaysia. BPN dapat dilihat sudah diterima dan disambut baik oleh masyarakat Malaysia. Bantuan ini sedikit sebanyak memberikan rasa lega di atas kesempitan yang dihadapi akibat pandemik ini. Kebanyakannya berkata bantuan ini digunakan bagi membeli keperluan dapur, keperluan sekolah anak-anak selain kegunaan kecemasan nanti. Ianya memberikan kuasa membeli terhadap masyarakat dalam kelangsungan hidup serta menjamin kesihatan dalam melalui arus pandemik ini. Manakala para pemimpin bersetuju dan sependapat mengenai tindakan kerajaan dalam membantu meringankan beban rakyat.

Di samping itu, bantuan diberikan adalah **bersasar** kepada golongan B40 dan M40. Pemberian kepada golongan B40 adalah berdasarkan pangkalan data Bantuan Sara Hidup. Manakala golongan M40 adalah berdasarkan data percukaian. Pendekatan ini memberi ruang dan jaminan kepada kedua-dua golongan menikmati bantuan yang diberikan. Selain itu, agihan yang diberikan adalah **telus** yang menunjukkan kriteria kelayakan digariskan dan diwartakan di dada akhbar-akhbar tempatan serta di laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri. Pengumuman mengenai jumlah agihan dan pelaksanaan agihan sentiasa dihebahkan di media massa. Ia bertujuan memberikan maklumat yang jelas kepada rakyat mengendainya.

Untuk memastikan ianya terus diterima, kerajaan haruslah memastikan yang ianya dimeterai dengan penuh saksama sejajar dengan konsep yang diutarakan demi memastikan ianya tercapai sepenuhnya.

8. Kesimpulan

Bantuan Prihatin Nasional ini dapat dilihat sebagai pemangkin kepada gerakan ekonomi rakyat dan kemajuan Negara dengan memberikan pelbagai manfaat kepada rakyat dan negara. Beban rakyat dapat dikurangkan kerana kita tahu ramai yang terkesan daripada pandemik ini dengan kehilangan pekerjaan, hilang mata pencarian, masalah kewangan dan lain-lain lagi terutama bagi golongan B40. Oleh itu, saluran bantuan yang diberikan ini menyumbang kepada kembalinya kuasa membeli rakyat di mana ianya mampu menyalurkan kembali kepada ekonomi negara. Ini mampu memberikan nafas lega kepada semua dan meringankan beban dalam mengharungi cabaran pandemik ini. Inisiatif ini dapat memberikan manfaat golongan B40 dan M40 yang rata-rata terjejas dan memerlukan bantuan bagi kelangsungan hidup. Seluruh rakyat memberikan reaksi yang positif terhadap saluran Bantuan Prihatin Rakyat dan mendokong penuh pelaksanaannya. Kerajaan pula bekerja keras dalam memastikan kerajaan prihatin terhadap nasib rakyat dan memberikan yang terbaik dalam berhadapan dengan pandemik ini. Ini boleh dianggap sebagai satu titik permulaan sistem pentadbiran yang baik dengan memberikan perhatian dan prihatin terhadap keperluan rakyat demi kelangsungan hidup akibat terkesan dengan pandemik yang meruntun seluruh dunia.

Penghargaan

Ucapan terima kasih dirakamkan kepada penilai di atas cadangan yang diutarakan.

Rujukan

Astro Awani. (2020, April 10). Sektor pelancongan dan PKS di Kuala Terengganu terjejas. <http://www.astroawani.com/> Dicapai pada 3 Disember 2020.

Astro Awani. (2020, May 3). Bersama kerajaan hadapi pertarungan COVID-19, krisis ekonomi. <http://www.astroawani.com/> Dicapai pada 3 Disember 2020.

Astro Awani. (2020, May 4). Wang bantuan BPN tambah modal jual buah atas talian. <http://www.astroawani.com/> Dicapai pada 3 Disember 2020.

Astro Awani. (2020, September 23). PRN Sabah: Penduduk Tamparuli harap bantuan diteruskan, banyakkkan peluang pekerjaan. <http://www.astroawani.com/> Dicapai pada 3 Disember 2020.

Astro Awani. (2020, November 30). BPN 2.0. <http://www.astroawani.com/> Dicapai pada 3 Disember 2020.

Maisarah Sheikh Rahim. (2020, September 25). <https://www.utusan.com.my/ekonomi/2020/09/bantuan-keseluruhan-bpn-rm18-bilion/> Dicapai pada 3 Disember 2020.

Mariah Doksil & Chok Sim Yee. (2020, November 11). BPN 2.0 eases burden of the rakyat. <https://www.theborneopost.com/2020/11/11/bpn-2-0-eases-burden-of-the-rakyat/> Dicapai pada 3 Disember 2020.

Rafidah Mat Ruzki & Hazwan Faisal Mohamad. (2020, May 12). LHDN semak silang dengan 11 agensi sebelum luluskan BPN/ Dicapai pada 3 Disember 2020.


Tang, Ashley. (2020). Malaysia announces movement control order after spike in Covid-19 cases (updated). <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/16/malaysia-announces-restricted-movement-measure-after-spike-in-covid-19-cases?> Dicapai pada 18 Mac 2020.

Wat Kamal Abas. (2020). Bajet 2021: Teruskan Bantuan Prihatin Nasional. <https://www.utusan.com.my/berita/2020/10/bajet-2021-teruskan-bantuan-prihatin-nasional/> Dicapai pada 3 Disember 2020.

Utusan Borneo Online. (2020, April 6). Rakyat terima Bantuan Prihatin Nasional mulai hari ini. <https://www.utusanborneo.com.my/2020/04/06/rakyat-terima-bantuan-prihatin-nasional-mulai-hari-ini/> Dicapai pada 3 Disember 2020.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



9 772682 784004



ISSN: : 1985-5079